

Latihan 2: **Kata sama makna**

Taipkan kata dengan rangkai kata / ayat makna yang sama di bawah ini.

buruk	berhampiran	tujuan	berhenti	amalan
kesukaran	penyakit	kempen	dadah	rokok

1. _____ :

ubat-ubatan yang merosakkan dan membinasakan orang yang menggunakannya secara berlanjutan.

2. _____ :

tidak bergerak lagi / tidak meneruskan lagi.

3. _____ :

segala usaha atau kegiatan yang dirancang dan dilaksanakan dengan menggunakan penerangan untuk mempengaruhi pendapat atau sokongan umum terhadap sesuatu.

4. _____ :

kehendak / sasaran.

5. _____ :

tembakau yang digulung memanjang menggunakan kertas/nipah.

6. _____ :

sesuatu yang dilakukan sebagai suatu kebiasaan.

7. _____ :

kesulitan / kepayahan.

8. _____ :

tua, rusak, tidak baik atau tidak menyenangkan.

9. _____ :

sesuatu yang menyebabkan badan menjadi sakit.

10. _____ :

berdekatan / tidak jauh.